

21 JUN 2001

Umno-Hamid

PITA VIDEO `DEBAT' UMNO-PAS DIPUTARBELIT OLEH PAS, KATA HAMID

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman berkata pita video yang menunjukkan debat antara Umno dengan PAS sebenarnya adalah rakaman perbincangan sesama orang Umno.

Pita rakaman bertajuk "Debat PAS-Umno" itu kini dijual kepada orang ramai dengan memberi gambaran ia merupakan debat sebenar antara tokoh-tokoh agama Umno dengan pemimpin PAS dan dijadikan modal politik oleh PAS.

"Umno sebenarnya bercadang menggunakan rakaman perbincangan itu yang dipengerusikan oleh saya sendiri sebagai penjelasan kepada anggota Umno supaya mereka dapat menjawab tohmahan PAS dengan lebih berkesan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis ucapan Presiden Umno sempena perhimpunan agung parti itu di sini, hari ini.

"Malangnya ada pihak tidak bertanggungjawab yang telah menyiarkan pita video itu terlebih awal dan menyuntingnya dengan tidak menyiarkan perbincangan daripada segi akademik," katanya.

Pita video yang menunjukkan majlis ilmu antara tokoh-tokoh agama dalam Umno dengan bekas pemimpin PAS itu dibuat untuk menangkis pelbagai tohmahan terhadap Umno.

"Perbincangan secara tertutup itu sebenarnya diadakan pada tahun lepas bertujuan memberi kefahaman mengenai tuduhan PAS kononnya Umno itu kafir, katanya".

Perdebatan itu berkisar pada tuduhan bahawa Umno itu kafir dengan tokoh-tokoh PAS membuat dakwaan mereka manakala tokoh-tokoh Umno pula menangkis tuduhan itu dengan hujah masing-masing.

Abdul Hamid berkata, perbahasan itu dilakukan sesama anggota Umno dan ia disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Umno akan menyiarkan pita itu secara sepenuhnya tidak lama lagi dan ia akan diedarkan kepada orang ramai bagi menjelaskan bahawa tuduhan yang mengatakan Umno itu kafir adalah tidak benar.

-- BERNAMA

AZE ZS PR